

Kajian Pengguna Perpustakaan Universiti Malaya (PUM) 2016


Kajian pengguna perpustakaan dijalankan untuk mengumpul maklumbalas pengguna UM terhadap pelbagai perkhidmatan / kemudahan yang ditawarkan. Kajian 2016 telah dijalankan selama 27 hari, bermula 5 – 31 Disember 2016 menerusi dalam talian. Soal selidik dalam talian diedarkan kepada setiap pelajar mahasiswa, pasca ijazah, para akademik dan staf Universiti Malaya yang mempunyai akaun emel Universiti Malaya. Data yang diterima telah dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 23.

A. Maklumat Umum Responden

Bahagian A, pengguna diminta untuk mengisi maklumat umum seperti kategori dan pusat tanggungjawab (PTj) supaya maklumat asas responden dapat dikenalpasti. Sebanyak 728 orang pengguna UM telah menjawab soal selidik kajian ini. Taburan mengikut kategori pengguna adalah seperti dalam Carta 1 dan Gambarajah 1. Sebanyak 34.4% (254 orang) daripada jumlah responden terdiri dari mahasiswa, diikuti dengan 36.0% (266 orang) pasca siswazah, staf akademik 14.0% (103 orang), staf bukan akademik 15.2% (112 orang), dan 0.4% (3 orang) yang lain terdiri dari lain-lain.




KATEGORI PENGGUNA



Carta 1: Taburan Responden Mengikut Kategori Pengguna

KATEGORI PENGGUNA



Gambarajah 1: Kategori Pengguna

| Pusat Tanggungjawab | Rilangan Responden | % |
|-----------------------|--------------------|-------|
| Pusat Tanggungjawab | Bilangan Responden | % |
| Alam Bina | 21 | 2.8 |
| Asasi Sains | 4 | 0.5 |
| Asia-Eropah | 2 | 0.3 |
| Bahasa | 33 | 4.5 |
| Ekonomi | 31 | 4.2 |
| INPUMA | 1 | 0.1 |
| Kebudayaan | 9 | 1.2 |
| Kejuruteraan | 79 | 10.7 |
| Kepimpinan Pendidikan | 3 | 0.4 |
| Pendidikan | 33 | 4.5 |
| P. China | 0 | 0 |
| P. Islam | 39 | 5.3 |
| P. Melayu | 14 | 1.9 |
| P. Siswazah | 18 | 2.4 |
| IPPP | 5 | 0.7 |
| Pergigian | 12 | 1.6 |
| Perniagaan | 51 | 6.9 |
| Perubatan | 62 | 8.4 |
| Sains | 137 | 18.6 |
| Sains Komputer | 49 | 6.6 |
| Sastera | 51 | 6.9 |
| SKET | 0 | 0 |
| Sukan | 2 | 0.3 |
| Undang-undang | 19 | 2.6 |
| Canseleri | 6 | 0.8 |
| Jab Pendaftar | 9 | 0.8 |
| Bendahari | 4 | 0.5 |
| Lain-lain | 44 | 6.0 |
| Total | 738 | 100.0 |

Carta 2: Taburan Responden mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj)

B. Penemuan Kajian: Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Perkhidmatan PUM

Kebanyakan soalan yang dikemukakan dalam kajian ini merupakan komponen penting yang dipilih dari aspek perkhidmatan yang diberikan oleh staf, perkhidmatan layan diri, koleksi perpustakaan dan bangunan perpustakaan. Maklumbalas pengguna boleh dijadikan petunjuk yang bermakna atas usaha baru perpustakaan pada masa akan datang. Perkhidmatan yang dinilai adalah seperti berikut:

Interaksi staf dengan pengguna (dari segi keberkesanan, kesopanan & kesediaan membantu)

Maklumbalas pertanyaan melalui emel dan UMLIB interaktif

Latihan/bengkel/ceramah yang dikendalikan oleh pustakawan

Latihan/bengkel/ceramah jemputan luar

Liputan sumber maklumat bercetak

Liputan sumber maklumat elektronik

Kebolehcapaian sumber elektronik

Kemudahan layan diri (pinjaman, pemulangan dan tempahan)

Keselesaan ruang bacaan

Perkhidmatan perpustakaan secara keseluruhan

Carta 3: Penilaian Tahap Prestasi Terhadap Perkhidmatan PUM Mengikut Bilangan & Peratus

| | Interaksi staf | | Maklum balas pertanyaan | | Latihan oleh pustakawan | | Latihan oleh jemputan | | Liputan sumber bercetak | | Liputan sumber elektronik | | Keboleh capaian elektronik | | Kemudahan layan diri | | Keselesaan ruang baca | | | Perkhidmatan Keseluruhan | |
|-----------|----------------|------|-------------------------|------|-------------------------|------|-----------------------|------|-------------------------|------|---------------------------|------|----------------------------|------|----------------------|------|-----------------------|------|-----------|--------------------------|------|
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N |
| Cemerlang | 228 | 30.9 | 110 | 14.9 | 102 | 13.8 | 68 | 9.2 | 119 | 16.1 | 174 | 23.6 | 169 | 22.9 | 234 | 31.7 | 260 | 35.2 | Cemerlang | 185 | 25.1 |
| Baik | 414 | 56.1 | 377 | 51.1 | 318 | 43.1 | 275 | 37.3 | 399 | 54.1 | 364 | 49.3 | 375 | 50.8 | 352 | 47.7 | 355 | 48.1 | Baik | 459 | 62.2 |
| Sederhana | 56 | 7.6 | 66 | 8.9 | 67 | 9.1 | 57 | 7.7 | 117 | 15.9 | 126 | 17.1 | 134 | 18.2 | 53 | 7.2 | 71 | 9.6 | Sederhana | 69 | 9.3 |
| Lemah | 6 | 0.8 | 11 | 1.5 | 6 | 0.8 | 7 | 0.9 | 35 | 4.7 | 29 | 3.9 | 26 | 3.5 | 8 | 1.1 | 10 | 1.4 | Lemah | 9 | 1.2 |
| TB / TT | 34 | 4.6 | 174 | 23.6 | 245 | 33.2 | 331 | 44.9 | 68 | 9.2 | 45 | 6.1 | 34 | 4.6 | 91 | 12.3 | 42 | 5.7 | TB / TT | 16 | 2.2 |
| Total | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | 738 | 100 | Total | 738 | 100 |
| CM + Baik | | 87.0 | | 66.0 | | 56.9 | | 46.5 | | 70.2 | | 72.9 | | 73.7 | | 79.4 | | 83.3 | CM + Baik | | 87.3 |
| Mean | | 1.92 | | 2.68 | | 2.96 | | 3.35 | | 2.37 | | 2.20 | | 2.16 | | 2.15 | | 1.94 | Mean | | 1.93 |

TB / TT: Tidak berkenaan / tidak tahu; CM + Baik = Jumlah% yang jawab cemerlang dan baik

Carta 4: Penilaian Tahap Prestasi Terhadap Perkhidmatan PUM Mengikut Bilangan & Peratus (tidak termasuk “Tidak berkenaan/Tidak tahu”)

| | Interaksi staf | | Maklum balas pertanyaan | | Latihan oleh pustakawan | | Latihan oleh jemputan | | Liputan sumber bercetak | | Liputan sumber elektronik | | Keboleh capaian elektronik | | Kemudahan layan diri | | Keselesaan ruang baca | | | Perkhidmatan Keseluruhan | |
|-----------|----------------|------|-------------------------|------|-------------------------|------|-----------------------|------|-------------------------|------|---------------------------|------|----------------------------|------|----------------------|------|-----------------------|------|-----------|--------------------------|------|
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % | N |
| Cemerlang | 228 | 32.4 | 110 | 19.5 | 102 | 20.7 | 68 | 16.7 | 119 | 17.8 | 174 | 25.1 | 169 | 24.0 | 234 | 36.2 | 260 | 37.4 | Cemerlang | 185 | 25.6 |
| Baik | 414 | 58.8 | 377 | 66.8 | 318 | 64.5 | 275 | 67.6 | 399 | 59.6 | 364 | 52.5 | 375 | 53.3 | 352 | 54.4 | 355 | 51.0 | Baik | 459 | 63.6 |
| Sederhana | 56 | 8.0 | 66 | 11.7 | 67 | 13.6 | 57 | 14.0 | 117 | 17.5 | 126 | 18.2 | 134 | 19.0 | 53 | 8.2 | 71 | 10.2 | Sederhana | 69 | 9.6 |
| Lemah | 6 | 0.9 | 11 | 2.0 | 6 | 1.2 | 7 | 1.7 | 35 | 5.2 | 29 | 4.2 | 26 | 3.7 | 8 | 1.2 | 10 | 1.4 | Lemah | 9 | 1.2 |
| Total | 704 | 100 | 564 | 100 | 493 | 100 | 407 | 100 | 670 | 100 | 693 | 100 | 704 | 100 | 647 | 100 | 696 | 100 | Total | 722 | 100 |
| CM + Baik | | 91.2 | | 86.3 | | 85.2 | | 84.3 | | 77.4 | | 77.6 | | 77.3 | | 90.6 | | 88.4 | CM + Baik | | 89.2 |
| Mean | | 1.77 | | 1.96 | | 1.95 | | 2.01 | | 2.10 | | 2.01 | | 2.02 | | 1.74 | | 1.76 | Mean | | 1.86 |

I. Penilaian Mengikut Jenis Perkhidmatan

Carta 3 dan 4 menunjukkan penilaian responden mengikut jenis perkhidmatan. Carta 3 mengambil kira semua jawapan sedangkan Carta 4 mengecualikan pilihan “tidak berkenaan/tidak tahu” (TB/TT) supaya hanya yang responden yang memahami perkhidmatan tersebut sahaja ditabulasikan dan dianalisa.

Carta 3 menunjukkan peratusan yang menjawab “tidak berkenaan/tidak tahu” (TB/TT) adalah lebih tinggi bagi maklumbalas pertanyaan melalui emel dan UMLIB interaktif dan juga latihan/bengkel/ceramah. Boleh disimpulkan bahawa ini adalah responden yang tidak berinteraksi dengan staf perpustakaan melalui format tersebut dan juga responden yang tidak mengikuti latihan yang disediakan oleh perpustakaan.

Namun begitu, agak mengecewakan apabila terdapat 91 responden memilih “tidak berkenaan/tidak tahu” bagi perkhidmatan layan diri kerana ini adalah kemudahan paling asas di perpustakaan.

II. Penilaian Berdasarkan Peratusan yang Berpuas Hati

Analisa yang seterusnya berdasarkan Carta 4 di mana responden yang memilih “Tidak berkenaan/Tidak tahu” dikecualikan supaya analisis adalah lebih tepat dan menumpu kepada pengguna yang faham dan menggunakan perkhidmatan berkenaan. Analisa bahagian ini, responden yang menjawab “Cemerlang” dan “Baik” (CM+Baik) digolongkan sebagai pengguna yang amat

berpuas hati dengan perkhidmatan perpustakaan. Skala 1-4 telah digunakan dalam kajian ini seperti berikut:

- 1 – Cemerlang 2 – Baik 3 – Sederhana 4 – Lemah

Merujuk kepada Carta 4, semua perkhidmatan yang dinilai telah menerima penilaian amat berpuas hati yang melebih 77%. Ini adalah peningkatan daripada penilaian pada tahun 2015 di mana penilaian amat berpuas hati adalah melebihi 70%.

Perkhidmatan yang mendapat penilaian cemerlang dan baik tertinggi adalah “interaksi staf dengan pengguna dari segi keberkesanan, kesopanan & kesediaan membantu”, iaitu 91.2% manakala perkhidmatan kedua tertinggi adalah “kemudahan layan diri” yang mendapat peratusan 90.6%. Perkhidmatan yang menerima penilaian cemerlang dan baik yang terendah ialah “kebolehcapaian sumber maklumat elektronik” iaitu 77.3%.

Manakala penilaian terhadap perkhidmatan perpustakaan secara keseluruhan menerima peratusan cemerlang dan baik sebanyak 89.2%.

III. Penilaian Berdasarkan Skor Purata (mean)

Skor purata yang lebih rendah menunjukkan kepuasan pengguna yang tinggi. Penilaian mengikut skor purata menunjukkan “kemudahan layan diri” mendapat skor purata paling rendah (1.74), diikuti dengan “keselesaan ruang bacaan” (1.76) dan “interaksi staf dengan pengguna” (1.77). Skor purata bagi perkhidmatan perpustakaan secara keseluruhan ialah 1.86.

Lima (5) perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan keseluruhan) mendapat skor di bawah 2.0 adalah dalam lingkungan cemerlang dan baik manakala empat (4) perkhidmatan yang lain memperolehi skor purata lebih dari 2 (di mana nilai tertinggi adalah 2.1), tergolong dalam lingkungan baik dan sederhana.

Tiada perkhidmatan yang mendapat skor purata melebihi 2.5, oleh itu kesemua perkhidmatan menerima penilaian baik.

C. Kesimpulan

Keputusan kajian adalah amat menggalakkan, di mana pengguna secara menyeluruh adalah berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk ditambahbaik supaya peratusan yang memilih “cemerlang” dan “baik” meningkat. Perhatian perlu diberikan terhadap kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan layan diri kerana 12.3% responden menjawab “tidak berkenaan atau tidak tahu” terhadap kemudahan asas ini.